

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN****DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' KAMARUDIN BIN JAFFAR  
(TUMPAT)**  
**PERTANYAAN : LISAN**  
**TARIKH : 15.11.2017**

**Y.B. DATO' KAMARUDIN BIN JAFFAR [ TUMPAT ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan perkembangan terkini projek kereta api ECRL.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) melibatkan dua fasa iaitu Fasa Pertama dari ITT Gombak ke Tumpat, Kelantan dan Fasa Kedua dari Gombak ke Pelabuhan Klang, Selangor dengan keseluruhan jarak sejauh 688km. Projek ini dimiliki dan dilaksanakan oleh Malaysia Rail Link Sdn Bhd (MRL), sebuah syarikat milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD).

Bagi Fasa Pertama, projek ECRL telah berjaya memperoleh kelulusan muktamad Skim Kereta Api dari Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) dan kelulusan laporan Kajian Impak Alam Sekitar (*Environmental Assessment Report*) dari Jabatan Alam Sekitar pada bulan Jun 2017 yang lalu. Sehubungan itu, Majlis Pecah Tanah Projek ECRL telah pun dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri di Bandar Baru Kuantan, Pahang pada 9 Ogos 2017 bagi menandakan bahawa projek mega ini bakal memulakan pembinaannya pada tahun ini.

Pada September 2017 yang lalu, MRL telah pun mengemukakan Skim Kereta Api bagi Fasa Kedua kepada pihak SPAD dan bakal menjalankan Sesi Pemeriksaan Awam (*Public Inspection*) bagi Fasa Kedua dalam masa terdekat setelah mendapat kelulusan bersyarat. Untuk makluman Ahli yang Berhormat, Sesi Pemeriksaan Awam bagi Fasa Pertama telah pun selesai dijalankan selama 90 hari bermula 8 Mac 2017 sehingga 7 Jun 2017 yang dilaksanakan di 38 lokasi terpilih di negeri Kelantan, Terengganu, Pahang dan Selangor dengan 95% responden menyatakan sokongan terhadap pelaksanaan projek ini.

Selain itu, bagi proses pengambilan tanah, MRL telah menyelesaikan Plan Pengambilan Tanah di bawah Seksyen 4 di kesemua negeri yang terlibat kecuali Selangor yang masih belum dimuktamadkan.

Manakala penyediaan Plan Pengambilan Tanah di bawah Seksyen 8 masih dijalankan sehingga kini bagi Kelantan, Terengganu, Pahang dan Selangor.

Oleh yang demikian, untuk memastikan projek ECRL dapat dilaksanakan dengan lancar di setiap negeri yang terlibat, "*Site Base*" sedang disediakan oleh pihak kontraktor utama iaitu *China Communications Construction Company (CCCC)* yang merangkumi pejabat & fasiliti tapak serta lain-lain keperluan yang berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, berdasarkan komitmen Kerajaan dan syarikat serta sokongan daripada rakyat, Kerajaan yakin keseluruhan projek ECRL yang melibatkan Fasa Pertama dan Kedua dijangka akan dapat disiapkan sepenuhnya secara serentak pada penghujung suku kedua tahun 2024.